

**TATACARA PERMOHONAN MAKLUMAT BAGI TUJUAN  
KAJI SELIDIK/TEMU BUAL/KAJIAN  
DI JABATAN WAKAF, ZAKAT DAN HAJI  
JABATAN PERDANA MENTERI**

**I. KRITERIA PERMOHONAN**

Kertas rancangan penyelidikan (*research proposal*) yang dimohon mestilah memenuhi kriteria seperti berikut:

- i. Penyelidikan yang dimohon mestilah merupakan penyelidikan yang dapat menghasilkan suatu idea / teori / konsep / kaedah / model / proses baru;
- ii. Penyelidikan yang akan dapat menambah baik sesuatu dasar dan pelaksanaan; dan
- iii. Penyelidikan yang berpotensi untuk menyumbang kepada pembangunan dan pengurusan bidang teras JAWHAR terutamanya zakat, wakaf haji dan umrah.

**II. INTEGRITI DAN ETIKA KAJI SELIDIK/TEMUBUAL/KAJIAN**

**a) Penyelidikan perlu berpandukan kepada budaya penyelidikan yang baik seperti berikut:**

- i. Menjalankan penyelidikan secara jujur dan berintegriti (termasuk mengelakkan *conflict of interest*);
- ii. Mengiktiraf peranan dan sumbangan semua pihak yang terlibat dalam penyelidikan; dan
- iii. Kajian rintis dibuat bagi membentuk kajian sebenar yang sah dan bolehpercaya.

- b) **Salah laku dalam penyelidikan yang perlu dielakkan adalah seperti berikut:**
- i. Melaporkan dapatan kajian secara tidak jujur termasuk mereka-reka data, mengubah suai data, kecuaian dalam pengumpulan dan analisa data, melaporkan sebahagian dapatan dan memanipulasi data bagi tujuan penipuan;
  - ii. Memalsukan dan menyeleweng penyelidikan termasuk kemajuan penyelidikan;
  - iii. Membuat kenyataan yang keterlaluan dan mengetepikan laporan kajian terdahulu;
  - iv. Menyalahgunakan data dan dapatan penyelidikan untuk tujuan negatif;
  - v. Memplagiat hasil kerja orang lain, mengambil tanpa izin keputusan dan kaedah penyelidik lain, mengabaikan sumbangan signifikan penyelidik lain meniru penulisan penyelidik lain tanpa memberi penghargaan.

### **III. TATACARA PERMOHONAN**

- i. Pemohon perlu mengemukakan dokumen seperti yang disenaraikan di jadual Senarai Semak Permohonan untuk pertimbangan mendapatkan maklumat bagi tujuan melaksanakan kaji selidik/temu bual/kajian di Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji (JAWHAR).
- ii. Pemohon perlu mengemukakan sesalinan disertasi/tesis/laporan kajian kepada JAWHAR sebaik sahaja kajian selesai dilaksanakan bagi tujuan rekod dan simpanan rujukan JAWHAR.
- iii. Pihak JAWHAR tidak akan menyediakan sebarang bentuk pembiayaan sokongan penyediaan maklumat bagi tujuan kaji selidik/temu buat/kajian oleh pemohon.
- iv. Pihak JAWHAR berhak menolak sebarang permohonan maklumat bagi tujuan melaksanakan kaji selidik/temu bual/kajian dan membatalkan kebenaran yang telah diberikan sekiranya didapati bercanggah/melanggar syarat-syarat yang ditetapkan dalam kelulusan permohonan.

- v. **Bagi penyelidik yang berdomisil di luar negara**, sila rujuk syarat permohonan menjalankan penyelidikan di Malaysia seperti yang ditetapkan oleh Kementerian Ekonomi, iaitu di pautan berikut-

<https://ekonomi.gov.my/ms/sumber/garis-panduan-dan-peraturan/menjalankan-penyelidikan-di-malaysia>

#### IV. SENARAI SEMAK PERMOHONAN

BIL	PERKARA	TANDAKAN (/)
1.	<p>Surat Permohonan Rasmi pemohon kepada Ketua Pengarah JAWHAR.</p> <p>Surat perlu mengandungi maklumat pemohon dan ahli pasukan penyelidik (jika berkaitan) seperti berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>(a) Nama penuh penyelidik</li> <li>(b) E-mel</li> <li>(c) Nombor telefon</li> <li>(d) Nama organisasi bekerja/pusat pengajian:</li> <li>(e) Nama penyelia kajian</li> <li>(f) Gambar saiz pasport penyelidik</li> </ul>	( ) ( ) ( ) ( ) ( ) ( )
2.	<p>Kertas Cadangan Kajian (<i>Research Proposal</i>) yang mengandungi perkara berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>(a) Tajuk;</li> <li>(b) Objektif;</li> <li>(c) Kenyataan masalah/jurang</li> <li>(d) Metodologi dan Instrumen Kajian;</li> <li>(e) Definisi Konsep Kajian;</li> <li>(f) Lokasi Kajian;</li> <li>(g) Sampel Kajian;</li> <li>(h) Jadual Perancangan Kajian (<i>Gantt Chart</i>);</li> <li>(i) Tempoh Kajian.</li> </ul>	( ) ( ) ( ) ( ) ( ) ( ) ( ) ( )
3.	Borang Kaji Selidik/ soalan temu bual/ dokumen yang berkaitan	( )

<b>BIL</b>	<b>PERKARA</b>	<b>TANDAKAN ( / )</b>
4.	Kriteria Responden - Sila perincikan kriteria responden yang diperlukan dari JAWHAR bagi sesi kaji selidik/temu bual/kajian bagi memudahkan pihak JAWHAR mengenal pasti pegawai yang sesuai untuk memberi respon	(   )
5.	Mengemukakan salinan surat kelulusan menjalankan penyelidikan daripada Kementerian Ekonomi (sekiranya berkaitan)	(   )
6.	Sila nyatakan sekiranya kaji selidik/temu bual/kajian ini turut melibatkan respon pihak Majlis Agama Islam Negeri (MAIN). Sekiranya ada, sila sertakan maklumat pegawai responden:  (a) Nama pegawai MAIN (b) E-mel (c) Nombor telefon (d) Nama organisasi	<b>Ada / Tiada</b>